



11 Mac 2014
11 March 2014
P.U. (A) 69

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) (ELAUN PELABURAN) (PINDAAN) 2014

*PETROLEUM (INCOME TAX) (INVESTMENT ALLOWANCE)
(AMENDMENT) REGULATIONS 2014*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

**PERATURAN-PERATURAN PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) (ELAUN PELABURAN)
(PINDAAN) 2014**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 22A(1) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [*Akta 543*], Ketua Pengarah membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Petroleum (Cukai Pendapatan) (Elaun Pelaburan) (Pindaan) 2014**.

(2) Peraturan-Peraturan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 30 November 2010.

Pindaan am

2. Peraturan-Peraturan Petroleum (Cukai Pendapatan) (Elaun Pelaburan) 2013 [P.U. (A) 120/2013] yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam teks bahasa Inggeris dengan menggantikan perkataan “deepwater” di mana-mana jua ia terdapat dengan perkataan “deep water”.

Pindaan peraturan 5

3. Perenggan 5(a) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “bertekanan tinggi bersuhu tinggi” perkataan “, projek laut dalam”.

Pindaan peraturan 12

4. Peraturan 12 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan subperaturan (2) dengan subperaturan yang berikut:

“(2) Permulaan tempoh yang layak bagi suatu projek yang layak hendaklah pada tarikh kelulusan Pelan Pembangunan Medan yang pertama bagi apa-apa projek yang layak yang dinyatakan di bawah perenggan 5(a) atau (b)

yang dijalankan di dalam suatu kawasan yang ditetapkan dalam perjanjian petroleum.”.

Pindaan peraturan 13

5. Peraturan 13 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong subperaturan (4).

Penggantian peraturan 15

6. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 15 dengan peraturan yang berikut:

“Ketidakpakaian

15. Peraturan-Peraturan ini tidaklah terpakai bagi seseorang yang boleh dikenakan cukai dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran—

(a) jika orang yang boleh dikenakan cukai itu—

(i) menjalankan operasi petroleum di dalam Kawasan Pembangunan Bersama; atau

(ii) menjalankan operasi petroleum di dalam suatu kawasan di bawah apa-apa perjanjian atau perkiraan yang dibuat oleh Kerajaan dengan kerajaan mana-mana wilayah di luar Malaysia bagi eksplorasi dan eksloitasi petroleum bersama di dalam kawasan pertindihan; atau

(b) berhubung dengan suatu medan jika orang yang boleh dikenakan cukai itu telah diberikan—

(i) elaun di bawah Kaedah-Kaedah Petroleum (Cukai Pendapatan) (Elaun Modal Dipercepatkan) (Medan Marginal) 2013 [P.U. (A) 119/2013]; atau